

Jurutari muda berbakat

Elham Mohd Nawawi, 16 tahun, pimpin beberapa persembahan tarian besar-besaran secara sendirian

Oleh NURUL 'AIN RAZALI

Penulis sambilan

BELIAU mungkin boleh dianggap setahun jagung dalam bidang tarian memandangkan usianya baru sahaja menjangkau 16 tahun.

Namun Elham Mohd Nawawi sudah pun memimpin lebih 20 penari dalam beberapa persembahan tarian besar-besaran secara sendirian.

Tarian kreatif rekaan pelajar menengah empat Sekolah Menengah Ping Yi (PYSS) itu juga sering meraih pujian daripada para penonton Melayu dan bukan Melayu – baik acara sekolah, mahupun acara awam anjuran kelab masyarakat.

Menurut Elham, beliau dilantik jurutari kumpulan tarian persatuan kebudayaan Melayu (MCS) PYSS tahun lalu sewaktu di peringkat menengah tiga kerana terdapat kekosongan.

Bahkan, dengan pelantikan tersebut, Elham, pelajar aliran Normal (Akademik) yang bakal mengambil peperiksaan Sijil Am Pelajaran (GCE) peringkat 'N' akhir tahun ini, dipercayai antara jurutari termuda di sini.

"Saya rasa terkejut dan tak sangka diberi peluang (menjadi jurutari). Sebagai jurutari sekarang, saya ingin 'menurunkan' ilmu yang saya miliki kepada anggota lain pula," ujar Elham ketika ditemui di PYSS yang terletak di Chai Chee Street baru-baru ini.

Kata Elham, juga presiden MCS, minatnya dalam bidang tarian tercetus ketika menyaksikan abangnya yang berumur 22 tahun menari tarian tradisional dahulu.

"Timbul minat nak menari apabila saya menyaksikan gerakan cantiknya, lebih-lebih



PEMUDA BERPOTENSI BESAR: Muhd Elham Mohd Nawawi (*depan*), yang baru berusia 16 tahun, diberi tanggungjawab mencipta tarian untuk sekolahnya dan membimbing para pelajar lain, seperti Abdul Khabir Ramli, 15 tahun, dalam seni tari. – Foto TUNI SHARIFF

lagi setelah saya menonton Gentarasa (terbitan tahunan tempatan). Saya seakan terpukau dengan bidang tarian," ujar Elham.

Demi menyemai bakat dan cintanya dalam bidang tarian, anak kedua dalam keluarga tiga beradik itu kemudian menganggotai kumpulan tarian Melayu antarabangsa, Azpirasi, selama tiga tahun dari 2006.

Elham giat berlatih setiap Rabu dan Sabtu dengan kumpulan tersebut di Kelab Masyarakat Yew Tee di barat Singapura, meskipun beliau menetap di Tampines di timur, katanya.

Ternyata segala penat lelahnya berbaloi kerana antara tarian tradisional yang berjaya Elham kuasai kini termasuk tarian jogget, zapin, ronggeng dan inang.

Dalam usaha menyuntik unsur kesegaran dalam tarian Melayu, Elham berusaha pula menyepadukan ciri-ciri tarian Barat yang turut beliau pelajari, seperti hip hop, ke dalam tarian Melayu kontemporari.

Namun, kejayaannya itu tidak datang bergolek. Elham akui memimpin rakan-rakan sebayanya tidak semudah membuka langkah tarian inang.

"Saya percaya, dalam menangani cabaran, saya kena bersabar. Pasti ada hikmah di sebalik segala apa yang berlaku," ujar Elham.

Ketika dihubungi, guru penyenggara MCS PYSS, Cik Zainah Mohamed, berkata Elham berkesan sebagai ketua dan jurutari kerana beliau kreatif dan profesional, di samping dapat berhubung dengan rakan sebayanya.

Kini Elham dan kumpulan tariannya sibuk berlatih untuk pertandingan peringkat nasional antara sekolah-sekolah menengah, Fiestari, yang bakal diadakan bulan depan.

Elham berkata, beliau juga berharap dapat berentap dalam pertandingan seni tahunan ulung belia, Pesta Belia Singapura (SYF), tahun depan dan seterusnya mengorak langkah ke Maktab Rendah Tampines untuk berbakti dalam MCS-sana pula.

Seorang anak didik Elham dan juga pelajar menengah tiga aliran Ekspres PYSS, Nurul Asyiqin Abdullah, berasa lebih selesa berbincang dengan Elham.

Asyiqin berkata, beliau boleh mengutarakan kesulitan yang mereka alami tanpa rasa segan.

"Lebih-lebih lagi dia juga bergiat dengan kumpulan tarian luar, jadi dia lebih berpengalaman. Saya bangga dengan pencapaiannya kerana dia membuktikan bukan orang tua atau yang sudah bekerja sahaja boleh mereka tari. Belia umur kita pun boleh melakukannya," kata Asyiqin, 15 tahun.